

01/12/1999

Faktor dalaman membawa padah

Mior Kamarul Shahid

PILIHAN raya umum 1999 menyaksikan Barisan Nasional (BN) sekali lagi berjaya menubuhkan kerajaan. Matlamat BN untuk mendapat kelebihan 2/3 kerusi majoriti, dicapai. Walaupun BN wajar meraikan kemenangannya, masa depan BN adalah getir. BN perlu melihat di belakang tabir bagi menilai kelemahan prestasi pilihan raya kali ini.

Memang benar, BN meraih 148 kerusi daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Tetapi dari segi undi majoriti, jumlah yang diperolehi BN jauh merosot, walaupun barisan pembangkang hanya mendapat 45 kerusi Parlimen.

Daripada kebanyakan kerusi yang dimenangi calon BN, undi majoriti yang diperolehi, ternyata merosot. Ia memberi tamparan hebat kepada BN. Jika dalam pilihan raya 1995, BN menang di kebanyakan kawasan dengan undi majoriti agak selesa, ia tidak lagi diterjemahkan dalam pilihan raya umum kesepuluh ini. Parti pembangkang, terutama Pas, berjaya merapatkan jurang. Malah, di kalangan tokoh tertentu dalam BN sekali pun, ramai yang agak terperanjat melihat undi yang diraih calon parti lawan begitu rapat. Beberapa menteri - Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapha Mohamed, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman terpaksa mengaku kalah, walaupun dengan undi majoriti yang kecil. Mungkin di pihak pembangkang juga, mereka terpaksa menerima hakikat beberapa tokoh mereka gugur - Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin, Timbalan Pengerusinya, Karpal Singh dan Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang. Kekalahan mereka ini mungkin boleh dinilai daripada satu analisis yang berbeza kerana ia turut membabitkan soal personaliti. Begitu juga dengan kemenangan beberapa tokoh kontroversi pembangkang seperti Mohamad Sabu, Prof Shahnnon Ahmad dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Mesti ada sebabnya pengundi memberi sokongan kepada mereka sedangkan mereka tidak pernah memberi sumbangan kepada penduduk di kawasan mereka bertanding.

Berasaskan kepada undi popular, BN hanya meraih 56.01 peratus undi dalam pilihan raya kali ini berbanding 65 peratus pada 1995. Undi popular Pas meningkat daripada 7.57 peratus pada 1995 kepada 15.07 peratus terutama di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Di Kelantan Pas menguasai 41 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala BN hanya mendapat dua kerusi DUN. Bagi kerusi Parlimen, Pas memperolehi 10 kerusi, meninggalkan hanya satu kerusi - Gua Musang kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Di Terengganu, Pas menguasai 28 kerusi DUN untuk menubuhkan kerajaan dan menguasai semua lapan kerusi Parlimen di negeri itu. Di Kedah pula, Pas mara dengan 12 kerusi DUN berbanding 24 BN serta. Ini adalah satu kejutan yang agak besar kerana pada 1995 Pas hanya mempunyai dua kerusi DUN. Bagi kerusi Parlimen pula, Pas memenangi lapan kerusi dalam pilihan raya kali ini berbanding tujuh yang diperolehi BN. Pada 1995, BN menyapu bersih semua kerusi Parlimen di Kedah.

Bagaimanapun, Pas tidak boleh mendabik dada kerana kemenangan mereka di Kelantan dan Terengganu serta kemaraan di Kedah juga, bukanlah dengan undi majoriti yang besar. Jika sebelum ini, Pas 'mengintai' Terengganu setelah mendapati undi yang dimenangi BN dalam pilihan raya 1995 adalah kecil, maka pada pilihan kali ini, Pas memenuhi harapan mereka untuk mengalahkan BN yang diterajui Datuk Wan Mokhtar Ahmad sejak 25 tahun lalu. Dengan pelbagai masalah termasuk pertelagahan antara pemimpin Umno di Terengganu,

ia menguatkan lagi semangat Pas untuk menumbangkan kerajaan negeri itu. Pas juga 'mengintai' peluang di Kedah dan mungkin bercita-cita melakukan kejutan yang sama pada pilihan raya umum akan datang sekiranya BN dan Umno terus leka. Dari aspek ini, Pas boleh dianggap berjaya dalam menunaikan matlamat mereka. Hakikatnya, kemenangan Pas di Terengganu dan kemaraannya di Kedah bukanlah kerana parti itu terlalu kuat tetapi wujud faktor dalaman dalam Umno sendiri yang mendorong keadaan itu berlaku. Bezanya, Pas melihat peluang untuk terus mara sejak kekalahan tipis mereka pada 1995 sedangkan Umno tidak melihatnya sebagai satu bentuk ancaman yang serius. Di Kedah, Pas kian mengancam dan Umno pula seharusnya mulai sekarang menganggapnya sebagai satu ancaman baru yang tidak boleh lagi dipandang ringan. Perlis mungkin lebih bersedia bagi menghadapi Pas kerana negeri yang juga dianggap menghadapi ancaman kemaraan Pas dapat mematahkan serangan parti itu. BN memenangi semua tiga kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN di Perlis. Pas hanya mampu bertapak di tiga kerusi DUN di negeri itu.

Berasaskan prestasi, Umno tidak boleh berbangga dengan kejayaan kali ini kerana kerusi yang mereka perolehi jelas merosot. Selain di Johor, Umno mendapat sebahagian besar kerusi Parlimen dengan bantuan Umno Sabah.

Dalam pilihan raya kali ini, Pas sebenarnya meraih keuntungan dengan memeralatkan isu yang dibangkitkan oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan) berhubung kes salah laku bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, laluan parti itu bertambah mudah. Kehadiran Keadilan dalam pilihan raya kali ini tidak memberi sebarang kejutan kerana parti itu hanya mampu meraih lima kerusi Parlimen. Malah, Parti Melayu Semangat 46 (S46), ketika mula muncul dalam pilihan raya 1990 meraih lapan kerusi Parlimen dan kemudian merosot kepada enam kerusi pada pilihan raya 1995. Akibat kehilangan taring, S46 dibubarkan dan menyertai Umno. Mungkin juga Keadilan akan mengikut jejak langkah S46 setelah menyedari Pas hanya memerlukan sokongan Keadilan untuk memenangkan diri sendiri tetapi tidak membantu rakan kongsinya yang lain. DAP turut menjadi bahan mainan Pas yang menggunakan isu Islam untuk mengurangkan keyakinan masyarakat Cina terhadap DAP. Keputusan pilihan raya kali ini membuktikan bahawa Pas buat pertama kalinya memiliki kerusi melebihi DAP sejak pilihan raya 1974, sejak Pas keluar daripada BN. Pada 1978 DAP mendapat 16 kerusi manakala Pas lima, pada 1982, DAP sembilan, Pas lima, pada 1986 DAP 25, Pas satu, pada 1990 DAP 20, Pas tujuh dan 1995 DAP sembilan dan Pas tujuh. Bagi pilihan raya 1999 ini, DAP hanya mendapat 10 manakala Pas 28. Terbukti Pas berjaya menggugat pemikiran pengundi Cina supaya tidak menyokong DAP bagi mengelakkan parti itu menerima Pas yang memang ditakuti masyarakat Cina. Pas tidak memerlukan undi Cina kerana kebanyakan kawasan mereka meletakkan calon ialah di kawasan majoriti pengundi Melayu. Itulah sebabnya parti itu lebih memberi tumpuan kepada negeri-negeri yang majoritinya adalah penduduk masyarakat Melayu.

Dari segi matlamat, barisan pembangkang yang menggelarkan diri mereka sebagai barisan alternatif, adalah gagal. Matlamat pertama mereka ialah untuk menolak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam keluaran terbaru lidah rasmi Pas bertarikh 29 November 1999, jelas menunjukkan cita-cita besar parti itu. Akhbar itu kononnya memetik bahawa "untuk menolak Dr Mahathir, rakyat perlu membuat satu perkara yang mudah iaitu jangan menyokong BN dalam pilihan raya umum kali ini dengan mengundi parti-parti barisan alternatif iaitu Pas, Keadilan, DAP atau PRM".

Matlamat kedua mereka ialah untuk menjatuhkan kerajaan. Matlamat kini ternyata gagal kerana kerajaan BN sudah pun diberi mandat baru oleh rakyat.

Matlamat ketiga mereka ialah untuk mengurangkan kuasa majoriti 2/3. BN memperoleh lebih 2/3 kerusi majoriti. Ini juga gagal.

Matlamat keempat mereka ialah untuk menjadikan Anwar sebagai Perdana

Menteri juga terbantut kerana Anwar sendiri tidak bertanding dan barisan alternatif sendiri tewas.

Matlamat kelima mereka ialah untuk menjadikan Kit Siang sebagai Perdana Menteri juga terbantut kerana beliau tewas dalam kedua-dua kerusi Parlimen dan DUN. Bagi Pas, mereka bukannya mahukan Kit Siang menjadi Perdana Menteri, tetapi mahu menjatuhkannya terus daripada arena politik perdana bagi menonjolkan pula tokoh daripada parti mereka, sekurang-kurangnya untuk menjadi ketua pembangkang di Parlimen. Matlamat Pas ini berhasil.

Apapun, proses pilihan raya sudah selesai. Persediaan untuk menghadapi pilihan raya pada abad baru seharusnya dimulakan tanpa membelakangkan kepentingan rakyat sama ada yang menyokong atau menentang BN.

(END)